

**D.R. 26/2011**

**RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS 2011**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Serahan

**BAHAGIAN II**

**FUNGSI SURUHANJAYA**

4. Fungsi Suruhanjaya
5. Memastikan peruntukan perkhidmatan sejagat
6. Pemantauan dan pelaporan kepada Menteri

**BAHAGIAN III**

**KUASA DAN TATACARA MENTERI**

7. Arahan oleh Menteri
8. Pengubahan arahan
9. Daftar arahan

**BAHAGIAN IV**

**PERUNTUKAN PELESENAN**

10. Menteri boleh memberikan lesen
11. Permohonan bagi lesen
12. Ketidapkapaian

*Fasal*

13. Pemberian atau penolakan lesen
14. Syarat-syarat lesen
15. Kuasa untuk menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat lesen
16. Serah hak atau pindah hak milik lesen
17. Penggantungan atau pembatalan lesen
18. Tarikh kuat kuasa penggantungan atau pembatalan lesen
19. Penyiaran penggantungan atau pembatalan lesen
20. Penyerahan lesen
21. Pembaharuan lesen
22. Kesan pembatalan, penyerahan atau tidak memperbaharui lesen
23. Notis tentang niat untuk menggantung operasi

## BAHAGIAN V

PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN PEMEGANG LESEN  
PERKHIDMATAN SEJAGAT

24. Nama dagangan pemegang lesen perkhidmatan sejagat
25. Kelirupaan nama pemegang lesen perkhidmatan sejagat
26. Penghasilan atau pengeluaran setem pos
27. Hak untuk menjual setem pos
28. Pelan tema tahunan
29. Mengarkibkan setem pos
30. Pemasangan peti pos atau kelengkapan pungutan atau penghantaran yang lain
31. Pengecualian daripada liabiliti bagi kehilangan, salah serahan, kelengahan atau kerosakan

## BAHAGIAN VI

## TERMA DAN SYARAT AM PERKHIDMATAN POS

32. Penyerahan terma dan syarat am
33. Had liabiliti dalam terma dan syarat am pemegang lesen perkhidmatan sejagat

BAHAGIAN VII

PERKHIDMATAN YANG LAIN

*Fasal*

34. Perkhidmatan kewangan pos
35. Perkhidmatan pos elektronik

BAHAGIAN VIII

PENGAWALSELIAAN KADAR

36. Prinsip mengenai penetapan kadar
37. Kadar boleh dikawal selia

BAHAGIAN IX

AMALAN PERSAINGAN AM

38. Larangan terhadap perlakuan anti-persaingan
39. Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan
40. Larangan terhadap pembuatan perjanjian pakatan sulit
41. Larangan terhadap perkiraan kaitan atau pautan
42. Pemegang lesen dominan
43. Garis panduan mengenai maksud “kedudukan dominan”
44. Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen pada kedudukan dominan
45. Kebenaran bagi perlakuan
46. Daftar kebenaran
47. Penalti bagi kesalahan
48. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN X

PELINDUNGAN PENGGUNA

49. Forum Pos
50. Fungsi Forum Pos
51. Tatacara pengendalian aduan
52. Aduan pengguna
53. Hal keadaan apabila barang pos boleh dibuka

*Fasal*

54. Notis yang hendaklah dipakai dan laporan yang hendaklah diserahkan
55. Pemeriksaan oleh pegawai kastam
56. Penalti bagi mendedahkan isi kandungan barang pos secara menyalahi undang-undang

## BAHAGIAN XI

## SISTEM POSKOD DAN PENGALAMATAN SERTA PENGENAL PASTI POS

57. Sistem poskod dan pengalamatan
58. Penguntukan pengenalan pasti pos

## BAHAGIAN XII

KUASA DAN TATACARA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA MALAYSIA

## Bab 1

*Arahan*

59. Arahan oleh Suruhanjaya

## Bab 2

*Inkuiri*

60. Inkuiri oleh Suruhanjaya
61. Penjalanan inkuiri

## Bab 3

*Penyiasatan*

62. Penyiasatan oleh Suruhanjaya
63. Penyiaran laporan

## BAHAGIAN XIII

## KESALAHAN DAN PENALTI

64. Tindakan yang menyalahi undang-undang pada barang pos
65. Pemalsuan dan pemelancungan setem pos
66. Pemasangan tempat akses tanpa kebenaran
67. Kerosakan kepada kemudahan rangkaian pos

*Fasal*

68. Menampalkan tanpa kuasa atau mencatitkan rupa kemudahan rangkaian pos
69. Pengelakan bayaran pos
70. Mengusik tanda rasmi pada barang pos

BAHAGIAN XIV

KUASA MENGUMPULKAN MAKLUMAT DAN PERUNTUKAN PENGUATKUASAAN

Bab 1

*Kuasa mengumpulkan maklumat*

71. Pemberian maklumat
72. Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen
73. Akses kepada rekod
74. Rekod yang tidak betul
75. Rekod maklumat
76. Penyiaran maklumat

Bab 2

*Kuasa penguatkuasaan pegawai yang diberi kuasa*

77. Pegawai yang diberi kuasa
78. Kuasa penyiasatan
79. Pengeledahan dan penyitaan dengan waran
80. Waran boleh diterima walaupun cacat
81. Capaian kepada data berkomputer
82. Senarai buku, rekod, akaun, dsb. yang disita
83. Pelucuthakan
84. Pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, dsb. yang disita
85. Kuasa tambahan
86. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
87. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
88. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
89. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah menyempurnakan penyiasatan dan menyerahkannya kepada polis

*Fasal*

90. Tiada kos atau ganti rugi yang boleh didapatkan berbangkit daripada penyitaan
91. Pemulaan pendakwaan
92. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
93. Kesalahan kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan

## Bab 3

*Pelbagai*

94. Halangan
95. Pengkompaunan kesalahan
96. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
97. Persubahatan dan cubaan boleh dihukum sebagai kesalahan

## BAHAGIAN XV

## AM

98. Kumpulan Wang Perkhidmatan Pos
99. Daftar
100. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
101. Kuasa Suruhanjaya untuk membuat kaedah-kaedah
102. Penalti bagi perundangan subsidiari
103. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
104. Pelindungan terhadap pegawai dan orang lain

## BAHAGIAN XVI

## PERKARA KEPENTINGAN NEGARA

105. Kewajipan am pemegang lesen
106. Orang tidak boleh disabitkan bagi perbuatan yang dilakukan dengan suci hati
107. Perkiraan kerjasama dengan pihak berkuasa
108. Kuasa khas semasa darurat
109. Pelan bencana

BAHAGIAN XVII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

*Fasal*

110. Kecualian dan peralihan
111. Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang telah dimansuhkan bagi tempoh tiga tahun atau kurang
112. Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang telah dimansuhkan bagi suatu tempoh lebih daripada tiga tahun





# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan pos, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Pos 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“barang pos” ertinya suatu surat, bungkus-ikat, bungkusan, pembalut atau kontena yang boleh dipungut, disalurkan dan diserahkan menerusi rangkaian pos seseorang pemegang lesen;

“bayaran pos” ertinya suatu caj atau fi termasuklah caj atau fi tambahan yang kena dibayar bagi pungutan, penyaluran dan penyerahan barang pos oleh pemegang lesen;

“capaian hiliran” ertinya suatu capaian kepada rangkaian pos dan kemudahan rangkaian pos seseorang pemegang lesen bagi proses akhir dan bagi maksud penyerahan oleh pemegang lesen yang lain;

“daftar” ertinya mana-mana daftar yang disenggarakan oleh Suruhanjaya bagi maksud Akta ini;

“ditetapkan” jika tiada cara disebutkan, ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan di bawah Akta ini;

“industri perkhidmatan pos” termasuklah perkhidmatan pos dan apa-apa perkhidmatan lain yang diperuntukkan di bawah Akta ini;

“karung mel” ertinya apa-apa karung, peti, bakul, bungkusan, sampul atau kontena termasuklah beg berkunci, yang di dalamnya barang pos disalurkan, sama ada ia mengandungi atau tidak mengandungi apa-apa barang pos;

“kemudahan rangkaian pos” ertinya apa-apa kemudahan dan kelengkapan yang digunakan oleh pemegang lesen sebagai sebahagian daripada rangkaian posnya dan dalam hal pemegang lesen perkhidmatan sejagat, termasuklah pejabat pos, peti pos, peti penghantaran dan kenderaan pos;

“lesen” ertinya suatu lesen perkhidmatan sejagat atau lesen bukan perkhidmatan sejagat yang diberikan di bawah subseksyen 13(2);

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi industri perkhidmatan pos;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya—

- (a) mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri bagi maksud Akta ini; atau

(b) mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor;

“pejabat pos” termasuk mana-mana tempat, peranti atau pengangkut mel yang diberi kuasa oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat bagi pengeposan, penerimaan, penyisihan, pengendalian, penyaluran atau penyerahan barang pos;

“pemegang lesen” ertinya sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan yang telah diberikan suatu lesen di bawah Akta ini untuk menyediakan perkhidmatan pos;

“pengangkut mel” ertinya cara yang digunakan untuk menyalurkan barang pos;

“pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“pengenal pasti pos” ertinya apa-apa nama, logo, tanda atau reka bentuk yang diberikan oleh Suruhanjaya kepada seseorang pemegang lesen—

(a) yang mengenal pasti pemegang lesen; dan

(b) yang dengan jelas menunjukkan kepada orang awam bahawa barang pos telah, atau diniatkan untuk diterima oleh pemegang lesen untuk penyaluran melalui pos;

“Pengendali Pos Ditetapkan” ertinya pemegang lesen perkhidmatan sejagat yang ditetapkan oleh Menteri;

“pengguna” ertinya seseorang yang menggunakan rangkaian pos pemegang lesen sama ada sebagai pengirim atau penerima barang pos atau yang menggunakan perkhidmatan kewangan pos atau perkhidmatan pos elektronik;

“penyaluran barang pos” ertinya suatu proses apabila barang pos yang dihantar oleh pengirim ke suatu tempat akses sehingga ia diserahkan kepada penerima oleh pemegang lesen, atau ia dikembalikan kepada pengirim atau dilupuskan di bawah Akta ini oleh pemegang lesen;

“peranti pemproses data” ertinya apa-apa kelengkapan atau peranti yang daripadanya maklumat boleh dikeluarkan semula, dengan atau tanpa bantuan apa-apa kelengkapan atau peranti lain;

“kelengkapan mengutip atau menghantar mel” ertinya peralatan yang disediakan oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat untuk mengumpul dan menghantar mel termasuklah peti pos, peti bungkusan dan peti penghantaran;

“perkhidmatan bukan sejagat” ertinya perkhidmatan pos yang boleh disediakan kepada pengguna pada kadar selain kadar yang ditetapkan bagi perkhidmatan sejagat;

”perkhidmatan pos elektronik” ertinya perkhidmatan pos elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 35;

“perkhidmatan kewangan pos” ertinya perkhidmatan kewangan pos sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 34 ;

“perkhidmatan pos” ertinya pengumpulan, penyaluran dan penyerahan apa-apa barang pos;

“perkhidmatan sejagat” ertinya perkhidmatan pos, yang termasuk perkhidmatan pos asas yang ditetapkan oleh Suruhanjaya untuk disediakan kepada pengguna ke seluruh Malaysia, pada kadar yang ditetapkan;

“peti pos” ertinya apa-apa peti atau bekas yang ditetapkan oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat, yang dalamnya pengirim boleh mendepositkan barang pos bagi maksud pungutan;

“peti surat” ertinya sesuatu bekas yang disediakan oleh pengguna untuk menerima barang pos yang dihantar kepada pengguna itu atau ke alamat pengguna itu;

“pos” ertinya suatu perbuatan meninggalkan suatu barang pos di mana-mana tempat, bekas, peranti atau pengangkut mel pemegang lesen atau dengan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen untuk memungut barang pos dan dalam hal pemegang lesen perkhidmatan sejagat, juga bererti meninggalkannya di mana-mana pejabat pos atau mendepositkan dalam mana-mana peti pos;

“rangkaian pos” ertinya suatu sistem organisasi dan sumber dalam apa-apa bentuk atau cara yang digunakan oleh pemegang lesen dalam menjalankan operasinya termasuklah aspek-aspek sistem yang digunakan bagi—

- (a) memungut barang pos dari tempat akses;
- (b) mengendali dan mengangkut barang pos dari tempat akses ke pusat pengagihan;
- (c) memproses barang pos; dan
- (d) mengagih barang pos kepada penerima;

“setem pos” ertinya apa-apa label atau setem yang melambangkan apa-apa kadar fi bayaran pos atau jumlah lain yang kena dibayar berkenaan dengan suatu barang pos, dan termasuk setem pos pelekat dan setem yang dicetak, dicetak timbul, ditera atau selainnya ditunjukkan pada mana-mana sampul, pembalut, poskad atau barang lain, sama ada setem itu dikeluarkan di bawah Akta ini atau di bawah undang-undang mana-mana negara lain;

“surat” ertinya apa-apa bentuk komunikasi bertulis atau dokumen komunikasi di dalam sampul surat atau sesuatu paket kecil yang ditujukan kepada orang tertentu atau ke suatu alamat tertentu dan diangkut selain melalui cara elektronik, dan tidak termasuk kategori yang dinyatakan di bawah seksyen 12;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [*Akta 589*];

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa;

“tatacara pengendalian aduan” ertinya dokumen siaran yang disebut dalam subseksyen 51(1);

“tempat akses” ertinya tempat rangkaian pos pemegang lesen yang melaluinya pengirim mempunyai akses melalui apa-apa cara, dan dalam hal pemegang lesen perkhidmatan sejagat termasuklah pejabat pos dan peti pos; dan

“terma dan syarat am” ertinya terma dan syarat am pemegang lesen yang disebut dalam seksyen 32.

**Serahan**

3. Bagi maksud Akta ini, “serahan” sesuatu barang pos oleh pemegang lesen ertinya—

- (a) meninggalkan sesuatu barang pos di alamat;
- (b) mendepositkan sesuatu barang pos ke dalam beg berkunci pejabat pos atau peti surat atau apa-apa bekas lain atau peranti yang disediakan untuk menerima barang pos penerima; atau
- (c) meninggalkan sesuatu barang pos dengan penerima atau pengkhidmat atau ejennya atau dengan mana-mana orang lain yang dianggap sebagai diberi kuasa oleh penerima untuk menerima barang pos, mengikut cara biasa bagi penyerahan barang pos kepada penerima, dan jika penerima adalah seorang tetamu atau sedang tinggal di sesuatu hotel, serahan kepada tuan punya atau pengurus hotel itu atau ejennya hendaklah disifatkan sebagai serahan kepada penerima.

**BAHAGIAN II****FUNGSI SURUHANJAYA****Fungsi Suruhanjaya**

4. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan perkhidmatan pos, termasuklah perkara-perkara berkaitan dengan penjalanan fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) untuk melaksanakan dan menggalakkan matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan pos;
- (c) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan Akta ini dan untuk mengesyorkan pembaharuannya;
- (d) untuk menggalakkan dan menggiatkan perkembangan industri perkhidmatan pos mengikut pembangunan ekonomi Malaysia;

- (e) untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan perkhidmatan pos yang disediakan oleh pemegang lesen termasuklah kadar bayaran pos yang telah ditetapkan, penentuan standard prestasi dan standard kemudahan dan penguatkuasaannya;
- (f) untuk memantau pematuhan oleh pemegang lesen kepada standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi-obligasi kontraktual dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (g) untuk membangunkan, mengawal, melaksanakan, menyenggara dan mengurus sistem poskod dan pengalamatan di Malaysia;
- (h) untuk menggalakkan persaingan dalam menyediakan perkhidmatan pos;
- (i) untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna perkhidmatan pos yang dibekalkan oleh pemegang lesen berkenaan dengan—
  - (i) harga yang akan dikenakan;
  - (ii) kesinambungan perkhidmatan pos; dan
  - (iii) kualiti perkhidmatan pos yang diadakan;
- (j) untuk berusaha sebaiknya bagi memudahkan segala tuntutan munasabah berhubung dengan perkhidmatan pos;
- (k) untuk menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri perkhidmatan pos;
- (l) untuk mengawal selia pengeluaran setem pos termasuklah keluaran setem-setem pos definitif, kenangan dan khas dan apa-apa barang filateli yang lain; dan
- (m) untuk menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang pada hemat Suruhanjaya perlu, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh membenarkan Pengerusi Suruhanjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

### **Memastikan penyediaan perkhidmatan sejagat**

**5.** (1) Suruhanjaya hendaklah menjalankan fungsinya bagi memastikan penyediaan perkhidmatan sejagat kepada semua pengguna di dalam Malaysia mengikut prinsip-prinsip berikut:

- (a) ruang lingkup perkhidmatan sejagat hendaklah dibentuk dan ditentukan dengan jelas;
- (b) perkhidmatan sejagat hendaklah tersedia untuk semua orang dalam Malaysia kecuali dalam keadaan geografi atau hal keadaan lain yang ditentukan oleh Menteri;
- (c) perkhidmatan sejagat hendaklah boleh diakses melalui tempat-tempat akses yang secukupnya bagi memenuhi keperluan semua pengguna;
- (d) perkhidmatan sejagat hendaklah tersedia kepada semua pengguna di bawah terma dan syarat yang telus, objektif dan tidak mendikriminasikan;
- (e) keselamatan dan kerahsiaan barang pos hendaklah terpelihara;
- (f) perkhidmatan sejagat hendaklah ditawarkan secara kekal tanpa gangguan kecuali dalam hal-hal *force majeure*;
- (g) perkhidmatan sejagat hendaklah disediakan pada standard kualiti munasabah; dan
- (h) perkhidmatan sejagat hendaklah disediakan pada kadar mampu ke seluruh Malaysia.

(2) Dalam memastikan penyediaan perkhidmatan sejagat yang sewajarnya, Menteri boleh, dengan syor daripada Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan tentang apa-apa perkara berkaitan dengan perkhidmatan sejagat bagi maksud subseksyen (1).



### **Pemantauan dan pelaporan kepada Menteri**

6. (1) Suruhanjaya hendaklah memantau semua perkara penting berhubung dengan prestasi pemegang lesen dan membuat laporan kepada Menteri pada akhir setiap tahun kewangan Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah memantau dan melaporkan perkara-perkara yang berikut:

- (a) pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini;
- (b) keadaan persekitaran persaingan;
- (c) mutu perkhidmatan secepat yang diberikan kepada para pengguna di seluruh Malaysia;
- (d) kecekapan dan mutu penyediaan perkhidmatan pos oleh pemegang-pemegang lesen;
- (e) kadar-kadar yang dibayar oleh pengguna bagi perkhidmatan pos;
- (f) apa-apa kekurangan dalam ruang lingkup atau pengendalian Akta ini; dan
- (g) perkara-perkara lain yang Menteri sifatkan perlu.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan itu mengikut cara yang difikirkannya sesuai, dengan secepat yang dapat dilaksanakan berikutan dari tarikh Suruhanjaya menyerahkan laporan itu kepada Menteri.

## **BAHAGIAN III**

### **KUASA DAN TATACARA MENTERI**

#### **Arahan oleh Menteri**

7. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya mengenai penjalanan kuasa Suruhanjaya dan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini, sama ada yang bersifat am atau selainnya.

(2) Suatu arahan di bawah subseksyen (1) hendaklah selaras dengan peruntukan Akta ini yang berkaitan dengan perkara atau aktiviti yang tertentu itu.

(3) Suruhanjaya hendaklah menjalankan kuasanya yang diberikan di bawah Akta ini dengan cara yang selaras dengan arahan itu.

(4) Setiap arahan hendaklah didaftarkan oleh Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Arahan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran atau pada suatu tarikh yang kemudian yang boleh dinyatakan oleh Menteri dalam arahan itu.

(6) Arahan itu hendaklah habis tempoh pada tarikh yang boleh dinyatakan oleh Menteri dalam arahan itu atau, jika tiada tarikh dinyatakan, arahan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga arahan itu dibatalkan.

### **Pengubahan arahan**

**8.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa mengubah suai, mengubah atau membatalkan sesuatu arahan.

(2) Tatacara yang ditetapkan dalam subseksyen 7(4), (5) dan (6) hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa pengubahsuaian, pengubahan atau pembatalan sesuatu arahan.

### **Daftar arahan**

**9.** Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar semua arahan termasuklah apa-apa pengubahsuaian, pengubahan atau pembatalan sesuatu arahan yang dikeluarkan oleh Menteri mengikut subseksyen 99(1).

## **BAHAGIAN IV**

### **PERUNTUKAN PELESENAN**

#### **Menteri boleh memberikan lesen**

**10.** (1) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan—

(a) suatu lesen perkhidmatan sejagat; atau

(b) suatu lesen perkhidmatan bukan sejagat,

bagi melaksanakan perkhidmatan pos atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dan mengikut Akta ini.

### **Permohonan bagi lesen**

**11.** (1) Seorang pemohon bagi lesen di bawah seksyen ini hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas permohonan bagi lesen dibuat, meminta pemohon untuk memberi Suruhanjaya, dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, maklumat atau dokumen lanjut.

(3) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan yang baru.

(4) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum ia diluluskan atau ditolak.

(5) Seseorang yang menyediakan perkhidmatan pos tanpa lesen sah yang diberikan di bawah seksyen 10 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Ketidakpakaian**

**12.** (1) Kehendak pelesenan di bawah Akta ini tidak terpakai bagi kategori yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama untuk memasukkan suatu kategori tambahan atau memotong suatu kategori sedia ada yang Menteri fikirkan patut.

**Pemberian atau penolakan lesen**

**13.** (1) Suruhanjaya hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari—

- (a) penerimaan suatu permohonan di bawah subseksyen 11(1); atau
- (b) penerimaan maklumat atau dokumen lanjut yang diminta oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 11(2),

mengemukakan suatu syor bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, selepas menimbang syor Suruhanjaya, memberikan atau menolak untuk memberikan lesen.

(3) Jika Menteri memberikan lesen di bawah subseksyen (2), dia boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(4) Keputusan Menteri untuk memberi atau menolak untuk memberikan lesen hendaklah disampaikan kepada pemohon oleh Suruhanjaya melalui notis bertulis secepat yang dapat dilaksanakan.

**Syarat-syarat lesen**

**14.** (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi—

- (a) syarat standard yang ditetapkan bagi lesen itu; dan
- (b) apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri di bawah subseksyen 13(3).

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat lesen**

**15.** (1) Menteri boleh, dengan syor Suruhanjaya, pada bila-bila masa mengenakan apa-apa syarat lesen tambahan atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat sedia ada lesen.

(2) Sebelum Menteri membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang lesen itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Menteri berserta dengan suatu salinan draf mengenai pengenaaan, pengubahan atau pembatalan itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada tiga puluh hari.

(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Menteri hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk mengenakan syarat tambahan atau untuk mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang sedia ada atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusan Menteri di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

### **Serah hak atau pindah hak milik lesen**

**16.** (1) Lesen tidak boleh diserahkan atau dipindah hak milik kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kelulusan bertulis terdahulu daripada Menteri.

(2) Pemegang lesen yang menyerahkan atau memindah hak milik lesennya kepada mana-mana orang lain tanpa kelulusan bertulis terdahulu Menteri melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Penggantungan atau pembatalan lesen**

**17.** (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, menggantung atau membatalkan suatu lesen di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

- (b) pemegang lesen itu tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepatutnya telah dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diungkapkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (e) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen itu atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Akta ini.

(2) Sebelum Menteri membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang lesen itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Menteri untuk menggantung atau membatalkan lesen; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada tiga puluh hari.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Menteri hendaklah, selepas menimbang apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk menggantung atau membatalkan lesen itu atau tidak.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusan Menteri di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Pemegang lesen itu tidak berhak kepada apa-apa bentuk pampasan daripada Menteri atau Suruhanjaya jika lesen itu digantung atau dibatalkan mengikut subseksyen (1).

### **Tarikh kuat kuasa penggantungan atau pembatalan lesen**

**18.** Penggantungan atau pembatalan suatu lesen di bawah seksyen 17 hendaklah berkuat kuasa pada—

- (a) suatu tarikh yang dinyatakan oleh Menteri dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen 17(4); atau
- (b) jika tiada tarikh dinyatakan dalam notis bertulis yang diberi di bawah subseksyen 17(4), apabila tamatnya tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen itu.

### **Penyiaran penggantungan atau pembatalan lesen**

**19.** (1) Jika penggantungan atau pembatalan sesuatu lesen telah berkuat kuasa, Suruhanjaya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyebabkan supaya penggantungan atau pembatalan itu disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan dan satu surat khabar harian nasional bahasa Inggeris untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(2) Apa-apa kelengahan atau kegagalan untuk menyiarkan notis penggantungan atau pembatalan tidak boleh dalam apa-apa cara pun menjejaskan kesahan penggantungan atau pembatalan itu.

(3) Menteri dan Suruhanjaya tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan, kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh penyiaran notis yang disebut dalam subseksyen (1).

### **Penyerahan lesen**

**20.** (1) Pemegang lesen hendaklah, melalui notis bertulis, menyerahkan lesennya kepada Suruhanjaya mengikut kehendak yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pemegang lesen perkhidmatan sejagat hendaklah, tidak kurang daripada lima tahun daripada tarikh penyerahan balik yang diniatkan, memberi notis bertulis kepada Suruhanjaya.

(3) Penyerahan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Suruhanjaya menerima lesen dan notis di bawah subseksyen (1), atau jika suatu tarikh kemudian dinyatakan di dalam notis, pada tarikh itu.

(4) Penyerahan suatu lesen tidak boleh ditarik balik melainkan jika ia dinyatakan akan berkuat kuasa pada suatu tarikh kemudian dan sebelum tarikh itu Suruhanjaya, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen, membenarkan penyerahan itu ditarik balik.

### **Pembaharuan lesen**

**21.** (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk membaharui lesennya dalam tempoh selewat-lewatnya enam bulan sebelum tarikh luput.

(2) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membaharui suatu lesen yang sedia ada kecuali dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) pemegang lesen itu tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen itu telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) pemegang lesen itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (e) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen itu atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Akta ini.



(3) Suruhanjaya boleh meminta pemegang lesen itu untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki bagi permohonan pembaharuan itu dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), jika maklumat atau dokumen yang diminta di bawah subseksyen (3) tidak diberi oleh pemegang lesen itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberi oleh Suruhanjaya, Menteri boleh menolak untuk membaharui lesen itu.

(5) Jika Menteri enggan membaharui lesen itu, Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pemegang lesen itu melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengenai keengganan Menteri untuk membaharui lesen itu.

(6) Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen peluang untuk membuat penghujahan bertulis kepada Menteri dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari.

(7) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (6), Menteri hendaklah, selepas menimbang apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu dan dengan mengambil kira sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk membaharui lesen itu atau tidak.

(8) Jika Menteri memutuskan untuk tidak membaharui lesen itu, Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemegang lesen itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengenai keputusan Menteri dan hendaklah menyiarkan keputusan itu dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian kebangsaan yang satunya berbahasa kebangsaan dan satu lagi berbahasa Inggeris untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(9) Apa-apa kelengahan atau kegagalan untuk menyiarkan notis yang disebut dalam subseksyen (8) tidak boleh dalam apa-apa cara pun menjejaskan kesahan keputusan Menteri untuk tidak memperbaharui lesen itu.

(10) Menteri dan Suruhanjaya tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan, kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh penyiaran notis yang disebut dalam subseksyen (8).

**Kesan pembatalan, penyerahan atau tidak memperbaharui lesen**

**22.** (1) Jika penggantungan dan pembatalan suatu lesen di bawah seksyen 17 atau penyerahan suatu lesen di bawah seksyen 20 telah berkuat kuasa atau jika lesen itu tidak diperbaharui di bawah seksyen 21, pemegang lesen itu hendaklah dengan segera terhenti untuk menyediakan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh membenarkan pemegang lesen itu secara bertulis untuk terus menyediakan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan bagi apa-apa jangka masa dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud menggulungkan hal ehwal pemegang lesen itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Notis tentang niat untuk menggantung operasi**

**23.** Pemegang lesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya, secara bertulis, tentang apa-apa niat untuk menggantung operasi mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.

**BAHAGIAN V****PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN PEMEGANG  
LESEN PERKHIDMATAN SEJAGAT****Nama dagangan pemegang lesen perkhidmatan sejagat**

**24.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kawalan ke atas penggunaan perkataan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua sebagai nama dagangan.

(2) Suruhanjaya boleh memberikan kebenaran secara bertulis kepada pemegang lesen perkhidmatan sejagat atau ejennya untuk menggunakan perkataan-perkataan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebagai nama dagangan tanpa apa-apa caj.

(3) Suruhanjaya boleh, melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua bagi memasukkan perkataan tambahan atau memotong perkataan sedia ada sebagai nama dagangan.

### **Kelirupaan nama pemegang lesen perkhidmatan sejagat**

**25.** (1) Seseorang, selain daripada yang dinyatakan dalam subseksyen 24(2), tidak boleh meletakkan atau membenarkan, atau menyebabkan diletakkan atau mengekalkan, pada mana-mana premis, kenderaan, atau tempat atau benda lain, miliknya atau di bawah kawalannya mana-mana perkataan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penghasilan atau pengeluaran setem pos**

**26.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat hendaklah mempunyai hak untuk menghasilkan atau mengeluarkan setem pos yang membawa perkataan “Malaysia” dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa simbol kebangsaan atau lambang Malaysia.

(2) Kategori setem pos yang dihasilkan atau dikeluarkan oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk definitif, kenang-kenangan, khas atau apa-apa kategori lain yang ditetapkan oleh Menteri.

### **Hak untuk menjual setem pos**

**27.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat dan seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat boleh menjual setem pos.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat dan seseorang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat tidak boleh menjual setem pos lebih daripada nilai yang ditandakan kecuali bagi maksud filateli.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), penjualan setem pos yang membawa tanda batal bagi maksud filateli tidaklah dilarang.

(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Pelan tema tahunan**

**28.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat hendaklah menyerahkan kepada Suruhanjaya untuk kelulusan sebelum 1 Julai setiap tahun suatu pelan tema tahunan mengenai penghasilan dan pengeluaran setem pos kenang-kenangan dan khas untuk tahun berikutnya.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh enam puluh hari dari penerimaan pelan di bawah subseksyen (1), meluluskan pelan tersebut tanpa pindaan atau dengan pindaan.

### **Mengarkibkan setem pos**

**29.** Spesimen bagi setiap penghasilan setem pos hendaklah diarkibkan dengan cara yang selamat dan wajar oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat bagi maksud filateli, yang hendaklah termasuk helaian cetakan, plat cetakan dan artifak lain yang digunakan berkaitan dengan penghasilan setem pos.

### **Pemasangan peti pos atau kelengkapan pungutan atau penghantaran yang lain**

**30.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat boleh, bagi maksud menyediakan tempat-tempat akses yang secukupnya, memasang apa-apa peti pos atau kelengkapan pungutan atau penghantaran mel, mesin menjual setem dan peranti automatik yang serupa, di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam.

(2) Seorang pemegang lesen sebelum memasang apa-apa tempat akses hendaklah memperoleh kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkenaan yang lain apabila dikehendaki berbuat demikian.

**Pengecualian daripada liabiliti bagi kehilangan, salah serahan, kelengahan atau kerosakan**

**31.** Pemegang lesen perkhidmatan sejagat tidaklah bertanggung bagi apa-apa kehilangan, salah serahan, kelengahan atau kerosakan kepada mana-mana barang pos dalam perjalanan penyaluran borang pos itu, melainkan jika terbukti bahawa pemegang lesen perkhidmatan sejagat telah melakukannya dengan niat jahat atau secara cuai atau sengaja, menyebabkan kehilangan, salah serahan, kelengahan atau kerosakan itu.

**BAHAGIAN VI**

**TERMA DAN SYARAT AM PERKHIDMATAN POS**

**Penyerahan terma dan syarat am**

**32.** (1) Pemohon, apabila mengemukakan permohonan bagi lesen, hendaklah membentuk dan menyerahkan terma dan syarat am, termasuklah tatacara pengendalian aduan yang disebut dalam seksyen 51 sebagai tawaran tetapnya untuk menyediakan perkhidmatan pos kepada pengguna.

(2) Jika Suruhanjaya meminta pemohon untuk menyerahkan terma dan syarat amnya atau apa-apa aspek terma dan syarat itu kepada Suruhanjaya dalam bentuk elektronik, pemohon hendaklah melakukannya dalam format yang boleh diterima oleh Suruhanjaya.

(3) Dalam hal pemegang lesen perkhidmatan sejagat, terma dan syarat amnya hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya hendaklah mempunyai hak untuk menyiarkan terma dan syarat am itu atau apa-apa aspek terma dan syarat itu dan untuk menjadikan salinannya tersedia untuk pihak ketiga.

**Had liabiliti dalam terma dan syarat am pemegang lesen perkhidmatan sejagat**

**33.** (1) Terma dan syarat am pemegang lesen perkhidmatan sejagat hendaklah mengandungi peruntukan had daripada liabiliti yang menyatakan had mengenai indemniti maksima yang kena dibayar bagi kehilangan atau kerosakan kepada barang pos sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 32.

(2) Apa-apa had daripada liabiliti yang terkandung di dalam terma dan syarat am hendaklah menjadi pembelaan terhadap apa-apa pendakwaan, tindakan atau prosiding daripada apa-apa sifat, sama ada di mahkamah atau sebaliknya, diambil terhadap pemegang lesen perkhidmatan sejagat dan hendaklah secara berkesannya menghadkan liabiliti pemegang lesen perkhidmatan sejagat setakat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika pemegang lesen perkhidmatan sejagat telah bersetuju secara kontrak dengan pihak lain mengenai peruntukan had daripada liabiliti, terma dan syarat berkontrak tersebut hendaklah mengatasi.

## BAHAGIAN VII

### PERKHIDMATAN YANG LAIN

#### **Perkhidmatan kewangan pos**

**34.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat boleh melakukan aktiviti perkhidmatan kewangan pos dan bertindak sebagai ejen pembayar dan pemungut bagi mana-mana pihak ketiga atas dasar komersial.

(2) Menteri boleh, melalui kaedah-kaedah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan ruang lingkup dan fi bagi perkhidmatan kewangan pos.

(3) Bagi maksud Akta ini, “perkhidmatan kewangan pos” bermakna suatu julat perkhidmatan kewangan pos yang akan disediakan oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat termasuk kiriman wang, kiriman pos, deraf pos, cek pos dan cek perjalanan pos.

#### **Perkhidmatan pos elektronik**

**35.** (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat boleh menyediakan perkhidmatan pos elektronik untuk membolehkan suatu mesej elektronik disampaikan daripada penghantar kepada penerima secara elektronik.

(2) Menteri boleh, melalui kaedah-kaedah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan ruang lingkup dan fi perkhidmatan pos elektronik.

(3) Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan berkenaan dengan semua perkara berhubung dengan perkhidmatan pos elektronik.

## BAHAGIAN VIII

### PENGAWALSELIAAN KADAR

#### **Prinsip mengenai penetapan kadar**

**36.** (1) Kadar bayaran pos yang ditentukan oleh pemegang lesen hendaklah berasaskan kepada prinsip yang berikut:

- (a) bahawa kadar secara munasabahnyanya adil dan tidak berdiskriminasi;
- (b) bahawa kadar berorientasikan kos dan tidak mengandungi diskaun yang secara tidak munasabah memudaratkan peluang persaingan pemegang lesen yang lain;
- (c) bahawa kadar distrukturkan dan peringkat ditetapkan untuk menarik pelaburan dalam industri perkhidmatan pos; dan
- (d) bahawa kadar mengambil kira standard kadar yang disyorkan oleh suatu organisasi antarabangsa yang Malaysia merupakan anggota berhubung dengan perkhidmatan pos.

#### **Kadar boleh dikawal selia**

**37.** (1) Walau apa pun seksyen 36, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, menetapkan—

- (a) kadar bayaran pos yang akan dicaj oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan yang termasuk dalam takrif perkhidmatan sejagat atau perkhidmatan bukan sejagat dan menyatakan bahawa kadar yang ditetapkan adalah kadar minima atau maksima yang boleh dicaj atau kadar sebenar yang hendaklah dicaj; dan
- (b) penyiaran atau pendedahan kadar dan kenaikan kadar bagi perkhidmatan pos.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) mengenai kadar yang boleh dicalaj oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat bagi perkhidmatan pos, bolehlah termasuk—

- (a) suatu bahagian tertentu daripada perkhidmatan sejagat, mengikut prinsipnya, bahawa kadar hendaklah seragam ke seluruh Malaysia; dan
- (b) perkhidmatan sejagat yang selebihnya apabila kadar boleh berubah bagi zon geografi yang berbeza, atau bagi penghantaran di antara zon geografi yang berbeza, untuk mencerminkan perbezaan dalam kos yang ditanggung oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat bergantung kepada zon atau zon-zon geografinya.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran apa-apa kadar berhubung dengan perkhidmatan pos mengikut terma dan syarat yang difikirkannya sesuai.

## BAHAGIAN IX

### AMALAN PERSAINGAN AM

#### **Larangan terhadap perlakuan anti-persaingan**

**38.** (1) Tertakluk kepada seksyen 45, pemegang lesen tidak boleh terlibat dalam apa-apa perlakuan yang mempunyai maksud mengurangkan persaingan yang cukup besar dalam suatu pasaran pos.

(2) Seorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan**

**39.** (1) Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan mengenai “mengurangkan persaingan yang cukup besar”.

(2) Garis panduan itu boleh termasuk rujukan kepada—

- (a) keperluan untuk mengimbangi antara galakan persaingan dan pemberian perkhidmatan berkualiti ke seluruh Malaysia;



- (b) pasaran pos;
- (c) arah aliran global dalam pasaran pos;
- (d) kesan perlakuan pemegang lesen terhadap bilangan pesaing dalam pasaran pos dan bahagian pasaran mereka;
- (e) kesan perlakuan pemegang lesen terhadap sekatan kemasukan ke dalam pasaran pos;
- (f) kesan perlakuan pemegang lesen terhadap julat perkhidmatan dalam pasaran pos;
- (g) kesan perlakuan pemegang lesen terhadap kos dan struktur keuntungan dalam pasaran pos; dan
- (h) apa-apa perkara lain yang Suruhanjaya berpuas hati adalah berkaitan.

### **Larangan terhadap pembuatan perjanjian pakatan sulit**

**40.** (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa persefahaman, perjanjian atau perkiraan, sama ada boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang atau tidak, yang membuat peruntukan bagi—

- (a) penetapan kadar;
- (b) perkongsian pasaran; atau
- (c) pemuluan pesaing lain.

(2) Seorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Larangan terhadap perkiraan kaitan atau pautan**

**41.** (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh, pada bila-bila masa atau dalam apa-apa hal keadaan, menjadikan suatu syarat bagi pemberian atau pembekalan sesuatu keluaran atau perkhidmatan dalam suatu pasaran pos bahawa orang yang memperoleh keluaran atau perkhidmatan itu adalah juga dikehendaki supaya memperoleh atau tidak memperoleh mana-mana keluaran atau perkhidmatan lain sama ada daripadanya atau daripada orang lain.

(2) Seorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**Pemegang lesen dominan**

**42.** Suruhanjaya boleh memutuskan bahawa seseorang pemegang lesen berada pada kedudukan dominan dalam suatu pasaran pos.

**Garis panduan mengenai maksud “kedudukan dominan”**

**43.** (1) Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan yang menjelaskan bagaimana Suruhanjaya akan menggunakan ujian “kedudukan dominan” terhadap seseorang pemegang lesen.

(2) Garis panduan itu boleh menyatakan perkara-perkara yang boleh diambil kira oleh Suruhanjaya, termasuklah—

- (a) galakan persaingan terhadap pemberian perkhidmatan berkualiti ke seluruh Malaysia;
- (b) pasaran pos;
- (c) teknologi dan arah aliran komersial global yang mempengaruhi kuasa pasaran;
- (d) bahagian pasaran pemegang lesen;
- (e) kuasa untuk membuat keputusan penentuan kadar dengan bebas oleh pemegang lesen;
- (f) tahap perbezaan produk atau perkhidmatan dan promosi jualan dalam pasaran pos; dan
- (g) apa-apa perkara lain yang Suruhanjaya berpuas hati adalah berkaitan.

**Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen pada kedudukan dominan**

**44.** Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen pada kedudukan dominan dalam suatu pasaran pos supaya menghentikan perlakuan dalam pasaran pos yang mempunyai, atau mungkin mempunyai, kesan mengurangkan persaingan yang cukup besar dalam mana-mana pasaran pos, dan untuk melaksanakan langkah pemulihan yang sesuai.

### **Kebenaran bagi perlakuan**

**45.** (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon kepada Suruhanjaya, sebelum membuat apa-apa perlakuan yang boleh ditafsirkan sebagai mempunyai maksud atau kesan mengurangkan persaingan yang cukup besar dalam suatu pasaran pos, untuk mendapatkan kebenaran bagi perlakuan itu.

(2) Walau apa pun peruntukan Bahagian ini, Suruhanjaya hendaklah membenarkan perlakuan itu jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kebenaran itu adalah demi kepentingan negara.

(3) Sebelum membenarkan perlakuan itu, Suruhanjaya boleh menghendaki pemegang lesen itu supaya mengemukakan suatu aku janji berkenaan dengan perlakuannya dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan kebenaran itu.

(4) Jika pemegang lesen itu kemudiannya menarik balik aku janji itu, kebenaran itu hendaklah disifatkan tidak pernah diberikan bagi maksud Bahagian ini.

(5) Seseorang pemegang lesen boleh menarik balik sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) pada bila-bila masa.

### **Daftar kebenaran**

**46.** Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar semasa mengenai kebenaran perlakuan di bawah Bahagian ini menurut subseksyen 99(1).

### **Penalti bagi kesalahan**

**47.** Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Bahagian ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Menteri boleh membuat peraturan-peraturan**

**48.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perjanjian antara pemegang-pemegang lesen dengan pemberi perkhidmatan pos asing.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang diniatkan untuk menghalang atau mengurangkan—

- (a) apa-apa perlakuan oleh pemberi perkhidmatan asing yang akan, atau mungkin akan mengakibatkan, pengurangan persaingan dengan cukup besar dalam suatu pasaran pos; atau
- (b) salah guna kuasa pasaran dalam suatu pasaran pos.

## BAHAGIAN X

### PELINDUNGAN PENGGUNA

#### **Forum Pos**

**49.** (1) Suruhanjaya boleh melantik suatu badan yang dikenali sebagai “Forum Pos” bagi maksud Akta ini dengan memberitahu badan itu secara bertulis, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) keanggotaan badan itu terbuka kepada semua orang;
- (b) badan itu berupaya untuk melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan Akta ini yang berkaitan; dan
- (c) badan itu mempunyai perlembagaan bertulis.

(2) Badan itu hendaklah bersetuju secara bertulis untuk menjadi Forum Pos sebelum pelantikan itu boleh didaftarkan.

(3) Suruhanjaya boleh memutuskan bahawa suatu badan yang sedia ada yang sebelum itu telah dilantik sebagai Forum Pos tidak lagi menjadi badan yang sesuai bagi maksud Akta ini, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa badan itu tidak memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Pelantikan atau penarikan balik pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran, atau suatu tarikh yang kemudian yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

### **Fungsi Forum Pos**

- 50.** (1) Forum Pos hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:
- (a) untuk memberi maklum balas dan membuat syor kepada Suruhanjaya mengenai apa-apa perkara yang berkenaan dengan kepentingan pengguna perkhidmatan industri pos;
  - (b) untuk mewakili kepentingan pengguna perkhidmatan industri pos termasuklah pengendalian aduan;
  - (c) untuk menggalakkan kepentingan pengguna yang berhubungan dengan tarif dan standard perkhidmatan industri pos;
  - (d) untuk mengenal pasti dan sentiasa mengkaji semula perkara-perkara yang menyentuh kepentingan pengguna dan memastikan bahawa pemegang lesen menyedari akan, dan responsif terhadap, urusan mengenai perkhidmatan mereka;
  - (e) untuk membuat publisiti tentang kewujudan, fungsi dan kerja Forum Pos dalam melindungi kepentingan pengguna;
  - (f) untuk membangun tataamalan bagi perkhidmatan pos; dan
  - (g) untuk menjalankan apa-apa fungsi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.
- (2) Suruhanjaya hendaklah mengambil kira dengan sewajarnya syor Forum Pos dalam menjalankan kuasanya dan fungsinya di bawah Akta ini.

### **Tatacara pengendalian aduan**

- 51.** (1) Tatacara pengendalian aduan hendaklah dalam bentuk dokumen yang disiarkan dan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat am pemegang lesen.
- (2) Dokumen yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah menggariskan tatacara yang hendaklah dipatuhi oleh pengguna yang membuat aduan terhadap pemegang lesen.

(3) Tatacara pengendalian aduan hendaklah berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- (a) menyediakan sumber yang sewajarnya dengan perwakilan kuasa yang mencukupi untuk memastikan aduan yang diterima, diambil tindakan dan diselesaikan tepat pada waktunya;
- (b) memastikan proses aduan tersedia dan boleh diakses oleh semua;
- (c) melayan pengadu dengan kesopanan dan sedapat mungkin menyelesaikan aduan pada titik pertama hubungan;
- (d) menyediakan bantuan kepada pengadu dalam perumusan dan pengemukaan aduan;
- (e) menyediakan proses pengendalian aduan tanpa sebarang caj;
- (f) membangunkan remedi yang adil dan munasabah;
- (g) mengumpul dan merekodkan data mengenai aduan yang dikemukakan dan hasil untuk membantu dalam mengenal pasti masalah yang berulang dan penambahbaikan yang berpotensi kepada perkhidmatan penghantaran dan perhubungan pelanggan; dan
- (h) semakan tetap proses pengendalian aduan untuk memastikan ia dengan secepatnya memberikan hasil yang berkesan.

### **Aduan pengguna**

**52.** (1) Jika Suruhanjaya menerima suatu aduan daripada seorang pengguna dan pengguna itu tidak mengemukakan aduannya melalui tatacara pengendalian aduan pemegang lesen, Suruhanjaya hendaklah merujuk pengguna itu kepada pemegang lesen berkenaan.

(2) Suruhanjaya boleh juga menjalankan siasatan terhadap pemegang lesen dengan syarat bahawa pengguna telah mengikut tatacara pengendalian aduan pemegang lesen itu.

(3) Suruhanjaya boleh menentukan kaedah-kaedah mengenai tatacara bagi pembuatan, penerimaan, pengendalian dan penyelesaian pertikaian aduan pengguna berkenaan dengan perlakuan atau penjalanan operasi pemegang lesen.

### **Hal keadaan apabila barang pos boleh dibuka**

**53.** (1) Tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang pemegang lesen boleh membuka barang pos dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) untuk menyelamatkan isi kandungan atau untuk memastikan keadaan isi kandungan barang pos yang telah rosak;
- (b) untuk menentukan penerima atau pengirim barang pos yang tidak dapat diserahkan menurut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya;
- (c) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat bahaya fizikal kepada manusia atau harta;
- (d) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat risiko kesihatan kepada manusia;
- (e) jika ia memperoleh persetujuan daripada pengirim atau penerima untuk melakukannya;
- (f) dengan suatu perintah mahkamah; atau
- (g) sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2) Seseorang pekerja pemegang lesen yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh pemegang lesen boleh membuka barang pos dalam hal keadaan di bawah subseksyen (1) dan dengan kehadiran pekerja lain yang telah diberi kuasa yang serupa.

(3) Isi kandungan barang pos yang telah dibuka bolehlah diperiksa tetapi tidak lebih daripada yang diwajibkan dalam hal keadaan di bawah subseksyen (1).

**Notis yang hendaklah dipakai dan laporan yang hendaklah diserahkan**

**54.** (1) Jika suatu barang pos telah dibuka di bawah seksyen 53, pemegang lesen hendaklah membungkus semula barang pos itu dan mengecapkan notis yang menyatakan—

- (a) bahawa ia telah dibuka untuk pemeriksaan; dan
- (b) sebab-sebab ia dibuka.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai semua barang pos yang telah dibuka yang menyatakan semua butir-butir berkaitan termasuklah—

- (a) tarikh dan masa barang pos itu dibuka;
- (b) isi kandungan barang pos itu;
- (c) sebab ia dibuka; dan
- (d) nama-nama orang yang membuka dan menjadi saksi pembukaan itu yang kedua-duanya hendaklah menandatangani rekod itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan, jika diminta oleh Suruhanjaya, suatu laporan kepada Suruhanjaya dengan menyatakan perincian hal keadaan dan sebab barang pos itu dibuka.

(4) Pemegang lesen tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pembukaan barang pos itu kecuali setakat yang dikehendaki bagi mematuhi suatu perintah mahkamah atau sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta ini.

**Pemeriksaan oleh pegawai kastam**

**55.** (1) Semua barang pos yang diterima daripada luar Malaysia bolehlah dibuka dan diperiksa bagi maksud pemeriksaan di mana-mana kemudahan rangkaian pos oleh seseorang pegawai kastam dengan kehadiran pekerja pemegang lesen yang diberi kuasa.

(2) Semua barang pos yang telah dibuka untuk pemeriksaan kastam hendaklah dibungkus semula dan dicapkan dengan notis bahawa barang pos itu telah dibuka.



**Penalti bagi mendedahkan isi kandungan barang pos secara menyalahi undang-undang**

**56.** Mana-mana orang yang menzahirkan, mendedahkan atau dengan apa-apa cara lain memberitahu isi kandungan mana-mana barang pos yang dibuka di bawah kuasa Akta ini, melainkan setakat yang perlu bagi maksud mengembalikan barang pos itu atau sebagaimana yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya secara bertulis, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN XI****SISTEM POSKOD DAN PENGALAMATAN SERTA PENGENAL PASTI POS****Sistem poskod dan pengalamatan**

**57.** (1) Suruhanjaya hendaklah diletakhakkan dengan pembangunan, kawalan, pelaksanaan, penyenggaraan dan pengurusan sistem poskod dan pengalamatan di Malaysia.

(2) Suruhanjaya boleh mewakilkan mana-mana atau semua fungsinya di bawah subseksyen (1) kepada Pengendali Pos Ditetapkan atau mana-mana orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang hendaklah menjalankan obligasi itu mengikut cara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

**Penguntukan pengenal pasti pos**

**58.** (1) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapatnya keperluan berkaitan dengan capaian hiliran atau bagi maksud yang lain, Suruhanjaya boleh memperuntukkan suatu pengenal pasti pos kepada pemegang lesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah menampal, mengecap atau mencetak pengenal pasti pos tersebut pada setiap barang pos dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas mengumpul barang pos tersebut, melainkan jika barang pos itu telah mempunyai pengenal pasti pos.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar pemegang lesen dan pengenal pasti pos mengikut subseksyen 99(1).

## BAHAGIAN XII

KUASA DAN TATACARA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA MALAYSIA

## Bab 1

*Arahan***Arahan oleh Suruhanjaya**

**59.** (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan secara bertulis kepada pemegang lesen berhubung pematuhan atau ketidakpatuhan mana-mana syarat pada suatu lesen.

(2) Arahan itu hendaklah tamat tempoh pada tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam notis bertulis atau jika tiada tarikh dinyatakan, arahan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga arahan itu dibatalkan.

(3) Pemegang lesen yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, termasuklah apa-apa perubahan atau pembatalan arahan mengikut subseksyen 99(1).

## Bab 2

*Inkuiri***Inkuiri oleh Suruhanjaya**

**60.** Suruhanjaya boleh mengadakan suatu inkuiri tentang apa-apa perkara yang bersifat umum yang berkaitan dengan pentadbiran Akta ini jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkara itu melibatkan kepentingan awam.

### **Penjalanan inkuiri**

**61.** Suruhanjaya boleh menjalankan suatu inkuiri sama ada secara terbuka atau tertutup, sebagaimana dan apabila disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya dan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan.

### Bab 3

#### *Penyiasatan*

### **Penyiasatan oleh Suruhanjaya**

**62.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Suruhanjaya hendaklah menyiasat apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Akta ini jika—

- (a) Menteri mengarahkan Suruhanjaya supaya menjalankan suatu penyiasatan mengenai apa-apa tindakan sivil atau kesalahan jenayah di bawah Akta ini yang mungkin telah atau akan dilakukan; atau
- (b) Suruhanjaya mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan sivil atau jenayah di bawah Akta ini telah, sedang atau akan dilakukan.

### **Penyiaran laporan**

**63.** Menteri boleh mengarahkan Suruhanjaya supaya menyiarkan suatu laporan mengenai sesuatu penyiasatan jika Menteri berpuas hati bahawa penyiaran itu adalah demi kepentingan negara.

## BAHAGIAN XIII

### KESALAHAN DAN PENALTI

### **Tindakan yang menyalahi undang-undang pada barang pos**

**64.** Seseorang yang dengan niat jahat—

- (a) melupuskan atau memusnahkan;
- (b) membuka;

- (c) menyimpan, menahan atau menyembunyikan;
- (d) melengahkan, mengabaikan atau salah serahan;
- (e) mengusik; atau
- (f) menghalang,

mana-mana barang pos dalam perjalanan penyalurannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pemalsuan dan pemelancungan setem pos**

**65.** (1) Seseorang yang—

- (a) dengan diketahuinya menghasilkan, menggunakan, mengimport, menjual atau membekalkan apa-apa setem pos palsu atau lancung atau dengan diketahuinya menggunakan bagi maksud pos, mana-mana setem pos palsu atau lancung;
- (b) mempunyai kawalan atas atau menyimpan atau memiliki tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang, apa-apa setem pos palsu atau lancung; atau
- (c) menghasilkan, membekal untuk menyewakan, memiliki tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang, apa-apa kelengkapan, perisian atau bahan bagi membuat apa-apa setem pos palsu atau lancung,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Pemasangan tempat akses tanpa kebenaran**

**66.** (1) Tiada seorang pun boleh memasang apa-apa tempat akses kecuali dengan kebenaran bertulis pemegang lesen perkhidmatan sejagat.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Kerosakan kepada kemudahan rangkaian pos**

**67.** (1) Tiada seorang pun dengan sengaja boleh menambah, mengusik, menyelaraskan, mengubah, memindahkan, memusnahkan atau merosakkan apa-apa kemudahan rangkaian pos atau mana-mana bahagian kemudahan rangkaian pos.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Menampalkan tanpa kuasa atau mencacatkan rupa kemudahan rangkaian pos**

**68.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kuasa yang wajar, menampal apa-apa plakad, iklan, notis, senarai, dokumen, papan kenyataan atau benda lain dalam atau pada, atau mengecat, atau menyapu minyak tar atau dengan apa-apa cara lain mencacatkan rupa, mana-mana kemudahan rangkaian pos.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Pengelakan bayaran pos**

**69.** (1) Tiada seorang pun boleh—

(a) menggunakan apa-apa setem pos yang telah digunakan terdahulu; atau

(b) menampal pada mana-mana barang pos apa-apa jua yang menyarankan—

(i) bahawa barang pos itu berhak untuk disalurkan melalui pos tanpa sebarang bayaran pos atau dengan bayaran pos pada kadar yang rendah daripada yang selainnya terpakai untuk suatu barang pos; atau

- (ii) bahawa bayaran pos atau apa-apa bahagian daripada bayaran pos itu telah dibayar atau sepatutnya dibayar atau dicaj kepada mana-mana orang lain,

bagi maksud mengelak bayaran pos.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Mengusik tanda rasmi pada barang pos**

**70.** (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan apa-apa tanda rasmi yang salah pada barang pos; atau
- (b) mengubah, menanggalkan atau menyebabkan hilangnya apa-apa tanda rasmi pada barang pos.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## **BAHAGIAN XIV**

### **KUASA MENGUMPULKAN MAKLUMAT DAN PERUNTUKAN PENGUATKUASAAN**

#### **Bab 1**

#### *Kuasa mengumpulkan maklumat*

### **Pemberian maklumat**

**71.** (1) Seksyen ini terpakai bagi mana-mana orang jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu—

- (a) mempunyai apa-apa maklumat atau menyimpan dalam jagaannya apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau

- (b) berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan yang Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Suruhanjaya, melalui notis bertulis, boleh mengarahkan mana-mana orang—

- (a) untuk memberi Suruhanjaya, dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat yang disebut dalam subseksyen (1);
- (b) untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik;
- (c) membuat salinan, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dan untuk mengemukakan salinan atau cabutan dokumen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu;
- (d) jika orang itu seorang individu, untuk hadir di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik;
- (e) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, untuk menyebabkan seorang pegawai yang berkaitan dan berkelayakan bagi pertubuhan perbadanan itu untuk hadir di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik;

- (f) jika orang itu suatu perkongsian, untuk menyebabkan seorang individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau pekerja dalam perkongsian itu untuk hadir di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik; atau
- (g) untuk membuat suatu pernyataan kepada Suruhanjaya dengan memberikan suatu penjelasan mengenai apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika Suruhanjaya mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (2) dan orang itu tidak mempunyai jagaan ke atas dokumen itu, orang itu hendaklah—

- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan
- (b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang yang terakhir yang mempunyai jagaan ke atas dokumen itu dan di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(4) Mana-mana orang yang diarahkan supaya memberikan maklumat di bawah subseksyen (2) atau (3) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan representasi yang nyata bermaksud sedemikian, termasuklah suatu perisytiharan bahawa dia tidak menyedari mengenai apa-apa maklumat atau dokumen lain yang boleh menjadikan maklumat yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(5) Seseorang yang menolak atau tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



### **Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen**

**72.** (1) Suruhanjaya boleh mengambil dan memegang simpan dengan seberapa lama yang perlu milikan mana-mana dokumen yang diperolehi di bawah Bab ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakukan oleh Suruhanjaya sebagai suatu salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan terperaku bagi dokumen itu hendaklah diterima sebagai keterangan seolah-olah salinan itu ialah dokumen asal.

(4) Sehingga suatu salinan terperaku bagi dokumen itu dibekalkan, Suruhanjaya hendaklah, pada bila-bila masa dan di tempat yang disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya, membenarkan orang yang memberikan dokumen itu atau orang yang diberi kuasa oleh orang itu untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada dokumen asal itu.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Suruhanjaya boleh mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

### **Akses kepada rekod**

**73.** (1) Seseorang hendaklah, jika pada bila-bila masa diminta oleh Suruhanjaya melalui notis bertulis, membenarkan Suruhanjaya atau pegawai yang diberi kuasa akses kepada rekodnya bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi notis bertulis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

### **Rekod yang tidak betul**

**74.** (1) Seseorang tidak boleh, dengan bermaksud mematuhi sesuatu kehendak yang dikenakan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 101(*p*) berhubung dengan penyimpanan rekod, membuat suatu rekod mengenai apa-apa perkara atau benda dengan sedemikian cara sehingga perkara atau benda itu tidak direkodkan dengan betul.

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Rekod maklumat**

**75.** (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu rekod mengenai semua maklumat atau dokumen yang diterima menurut arahan yang diberikan di bawah seksyen 71.

(2) Rekod yang disenggara di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tersedia kepada awam.

### **Penyiaran maklumat**

**76.** (1) Suruhanjaya boleh menyiarkan apa-apa maklumat yang diterimanya dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Bab ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah menimbangkan kepentingan komersial pihak-pihak yang dengannya maklumat itu berkaitan sebelum menyiarkan maklumat itu.

(3) Suruhanjaya tidak boleh menyiarkan apa-apa maklumat atau apa-apa bahagian mana-mana maklumat yang didedahkan kepadanya jika penyiaran itu—

(a) berkemungkinan menjejaskan perbicaraan adil seseorang; atau

(b) akan melibatkan pendedahan yang tidak munasabah maklumat peribadi mengenai mana-mana individu termasuklah orang yang telah mati,

tetapi Suruhanjaya boleh menyiarkan suatu cabutan yang berhubungan dengan maklumat sedemikian dengan syarat bahawa butir-butir dalam cabutan itu tidak boleh disusun dalam apa-apa cara yang boleh mengancam atau memudaratkan orang yang memberikan maklumat itu.

Bab 2

*Kuasa penguatkuasaan pegawai yang diberi kuasa*

**Pegawai yang diberi kuasa**

77. (1) Menteri boleh secara bertulis memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan semua kuasa penguatkuasaan yang diberikan oleh Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

(3) Dalam menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak, kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

**Kuasa penyiasatan**

78. (1) Seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat aktiviti pemegang lesen atau orang lain yang penting bagi pematuhannya kepada Akta ini.

(3) Dalam apa-apa hal berhubung dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan sesuatu penyiasatan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh ditangkap yang dibenarkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

**Penggeledahan dan penyitaan dengan waran**

79. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada seseorang pegawai yang diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan di mana-mana premis, atau bahawa apa-apa keterangan atau benda

yang perlu untuk penjalanan sesuatu penyiasatan bagi apa-apa kesalahan yang mungkin berada di dalam mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis tidak rendah pangkatnya daripada Inspektor, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang dinamakan dalamnya, untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan untuk menggeledah dan menyita apa-apa keterangan atau benda.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa pengeledahan dan penyitaan—

- (a) apa-apa buku, rekod, akaun, atau dokumen lain termasuklah data berkomputer yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan atau selainnya perlu untuk melaksanakan suatu penyiasatan bagi apa-apa kesalahan;
- (b) apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran atau notis yang menyatakan atau secara tidak langsung menyatakan bahawa orang itu mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini; atau
- (c) apa-apa dokumen, kelengkapan, peralatan atau barang yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai yang diberi kuasa boleh menahan mana-mana orang yang dijumpai di mana-mana premis yang digeledah di bawah subseksyen (3) sehingga pengeledahan itu selesai.

(5) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita atau mengambil milikan dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda, selain pakaian yang perlu yang dipakai oleh orang itu, dan apa-apa benda lain yang baginya ada sebab

untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan mengenai kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(6) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang yang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(7) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita di bawah seksyen ini tidak dapat dilaksanakan, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan apa-apa cara mengelak buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(8) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengusik atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (7) atau memindahkan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Waran boleh diterima walaupun cacat**

**80.** Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, peralatan, kelengkapan atau perkara yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

### **Capaian kepada data berkomputer**

**81.** (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah seksyen 79 hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu

komputer atau selainnya, dan bagi maksud itu, hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Senarai buku, rekod, akaun, dokumen, dsb., yang disita**

**82.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara disita menurut Akta ini, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penggeledahan itu—

(a) hendaklah menyediakan—

(i) suatu senarai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita itu dan hendaklah menandatangani senarai itu; dan

(ii) suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi alasan bagi penyitaan itu dan hendaklah menandatangani notis itu; dan

(b) hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyampaikan suatu salinan senarai yang dibuat di bawah subperenggan (a)(i) dan notis bertulis mengenai penyitaan itu yang dibuat kepada penghuni premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya di premis itu.

(2) Notis bertulis mengenai penyitaan itu tidak dikehendaki untuk disampaikan menurut perenggan (1)(b) jika penyitaan itu dibuat dengan kehadiran orang yang terhadapnya prosiding di bawah Akta ini diniatkan untuk diambil, atau dengan kehadiran pemunya harta sedemikian atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika premis itu tidak diduduki, pegawai yang diberi kuasa hendaklah menampalkan suatu salinan senarai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

### **Pelucuthakan**

**83.** (1) Apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita dan boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah diadakan jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat suatu lesen yang diberikan, telah dilakukan dan bahawa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun pada hakikatnya tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita di bawah Akta ini, maka buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu hendaklah dianggap atau disifatkan telah dilucuthakkan setelah tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat terakhir seseorang yang daripadanya buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berhubungan dengan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu, melainkan jika suatu tuntutan dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

(4) Seseorang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan, boleh secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Suruhanjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu berada dalam milikannya bahawa dia menuntut buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu.

(5) Apabila diterima suatu notis di bawah subseksyen (4), Suruhanjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah merujuk perkara itu kepada Majistret Kelas Pertama bagi keputusannya.

(6) Majistret Kelas Pertama yang kepadanya perkara itu dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dialah pemunya buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu dan orang yang daripadanya barangan itu disita untuk hadir di hadapannya dan apabila dia hadir atau tidak hadir, setelah penyampaian wajar saman dibuktikan, Majistret Kelas Pertama itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu, dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Majistret Kelas Pertama itu hendaklah memerintahkan supaya buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu dilucuthakkan, dan boleh, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasan barangan itu.

(7) Apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang dilucuthakkan atau disifatkan telah dilucuthakkan atau disifatkan sebagai telah dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya atau seorang pegawai yang diberi kuasa yang hendaklah melupuskannya dengan cara yang disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya.



**Pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, dsb., yang disita**

**84.** (1) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara telah disita di bawah Akta ini, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Pendakwa Raya, melepaskan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan sekiranya sedemikian tiada pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu, mahu pun Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Suruhanjaya boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa yang membuat pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh tujuh hari dari pelepasan itu.

**Kuasa tambahan**

**85.** Seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disimpan oleh pemegang lesen atau orang lain dan untuk memeriksa, meneliti dan memuat turun daripadanya, membuat salinannya atau mengambil cabutan daripadanya;

- (b) menghendaki pengemukakan mana-mana dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana kes atau kesalahan di bawah Akta ini; dan
- (c) membuat apa-apa inkuiri yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**86.** (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui arahan bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang ternyata kepada pegawai yang diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai yang diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

### **Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**87.** (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang sedemikian adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai yang diberi kuasa itu dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan untuk menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan atau tidak.

(4) Pegawai yang diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, diambil secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dia membuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang dia mahu.

### **Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**88.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai yang diberi kuasa dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai bukti.

(2) Jika mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai yang diberi kuasa dalam perjalanan penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudian, jika difikirkan patut oleh mahkamah demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa perjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa perjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam perjalanan perbarisan cam atau yang diliputi oleh seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan yang berhubungan dengan—

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang pegawai yang diberi kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

**Pegawai yang diberi kuasa hendaklah menyempurnakan penyiasatan dan menyerahkannya kepada polis**

**89.** Apabila selesai penyiasatannya mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah dengan segera memberikan segala maklumat yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu kepada pegawai penjaga suatu balai polis dan pegawai polis boleh, dengan waran, menangkap seseorang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

**Tiada kos atau ganti rugi yang boleh didapatkan berbangkit daripada penyitaan**

**90.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita dalam menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Pemulaan pendakwaan**

**91.** Tiada pendakwaan untuk atau yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan**

**92.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang bertentangan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan boleh mengenakan penalti penuh bagi kesalahan itu.

### **Kesalahan kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan**

**93.** Seseorang yang mendedahkan atau memberikan maklumat kepada Suruhanjaya atau pegawai yang diberi kuasa, yang diketahuinya atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### Bab 3

#### *Pelbagai*

### **Halangan**

**94.** Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai yang diberi kuasa akses kepada mana-mana premis yang pegawai yang diberi kuasa itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggagalkan atau melengahkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai yang diberi kuasa itu berhak membuatnya di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (c) enggan untuk memberikan mana-mana pegawai yang diberi kuasa apa-apa maklumat berhubung dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini

atau apa-apa maklumat lain yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya;

- (d) menyelamatkan atau berusaha untuk menyelamatkan atau menyebabkan untuk diselamatkan apa-apa benda yang telah disita; atau
- (e) memusnahkan apa-apa benda bagi mengelakkan penyitaan atau penyelamatan benda itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Pengkompunan kesalahan**

**95.** (1) Menteri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini sebagai kesalahan yang boleh dikompun.

(2) Suruhanjaya boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompun apa-apa kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompun kesalahan itu apabila dibayar kepada Suruhanjaya suatu amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Suruhanjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompun itu dibuat, dan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan,

peralatan atau perkara yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Suruhanjaya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang Suruhanjaya fikirkan patut dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**96.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduhkan secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh di bawah Akta ini dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, dia boleh dikenakan hukuman

atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja kepada ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja kepada ejen itu dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

### **Persubahatan dan cubaan boleh dihukum sebagai kesalahan**

**97.** (1) Seseorang yang bersubahat dalam perlakuan atau yang cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau sebagai pelanjutan kepada perlakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

## BAHAGIAN XIV

### AM

### **Kumpulan Wang Perkhidmatan Pos**

**98.** (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perkhidmatan Pos” (“Kumpulan Wang PP”) ditubuhkan dan kumpulan wang itu hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Suruhanjaya.

(2) Semua pemegang lesen hendaklah menyumbang kepada Kumpulan Wang PP dalam cara yang ditetapkan oleh Menteri.



(3) Kumpulan Wang PP hendaklah terdiri daripada—

- (a) sejumlah wang yang boleh diperuntukkan oleh Parlimen; dan
- (b) semua wang yang dicarumkan oleh pemegang lesen atau oleh mana-mana orang lain.

(4) Kumpulan Wang PP hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) untuk memudahkan perkhidmatan secepat ke seluruh Malaysia mengikut Akta ini;
- (b) untuk memudahkan pengembangan dan kemajuan rangkaian pos;
- (c) untuk menambahbaik dan memberi maklum balas kepada keperluan pengguna menerusi penggunaan teknologi; dan
- (d) apa-apa maksud lain berhubung dengan perkhidmatan pos yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Hendaklah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk memulihara Kumpulan Wang PP dengan melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah Kumpulan Wang PP adalah mencukupi untuk membayar semua perbelanjaan di bawah subseksyen (4).

(6) Menteri, atas syor Suruhanjaya, hendaklah membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan sumbangan kepada Kumpulan Wang PP dan apa-apa perkara lain berhubung atau bersampingan dengan penubuhan dan pengendalian Kumpulan Wang PP.

## **Daftar**

**99.** (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik mengenai semua perkara yang dikehendaki didaftarkan di bawah Akta ini, termasuklah—

- (a) apa-apa lesen yang diberikan oleh Menteri;
- (b) apa-apa syarat standard yang dinyatakan dalam lesen;

- (c) apa-apa pengenaan syarat tambahan yang dinyatakan dalam lesen;
- (d) apa-apa perubahan atau pembatalan syarat yang dinyatakan dalam lesen;
- (e) apa-apa penggantungan atau pembatalan lesen;
- (f) apa-apa penyerahan balik lesen; dan
- (g) apa-apa kelulusan bertulis daripada Menteri bagi pemindahan hak milik lesen.

(2) Seseorang boleh, dengan pembayaran fi yang ditetapkan—

- (a) memeriksa daftar itu; dan
- (b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, daftar itu.

(3) Jika seseorang meminta supaya suatu salinan diberikan dalam bentuk elektronik, Suruhanjaya boleh memberikan maklumat yang berkaitan itu—

- (a) dengan menggunakan peranti pemprosesan data; atau
- (b) melalui penghantaran elektronik.

### **Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**100.** Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud berikut:

- (a) untuk menetapkan semua perkara berhubung dengan pengeluaran lesen perkhidmatan sejagat dan perkhidmatan bukan sejagat di bawah Akta ini;
- (b) untuk menetapkan tatacara bagi Suruhanjaya dalam penjalanan kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini;
- (c) untuk menetapkan bentuk pemberitahuan, notis dan perintah yang hendaklah dibuat di bawah Akta ini;
- (d) untuk mentakrifkan ruang lingkup dan pengecualian perkhidmatan sejagat;

- (e) untuk menetapkan pemegang lesen perkhidmatan sejagat sebagai Pengendali Pos Ditetapkan;
- (f) untuk menetapkan bantuan kewangan bagi perkhidmatan sejagat;
- (g) untuk menetapkan kadar yang hendak dibayar berkenaan dengan produk dan perkhidmatan dalam perkhidmatan sejagat;
- (h) untuk menetapkan fi dan caj di bawah Akta ini, yang termasuklah untuk mengecualikan bayaran apa-apa fi dan caj pada terma dan syarat yang Menteri sifatkan sesuai;
- (i) untuk menetapkan mengenai perkara filateli dan pengeluaran setem pos;
- (j) untuk menetapkan semua perkara mengenai perkhidmatan kewangan pos;
- (k) untuk menetapkan semua perkara berhubung dengan perlindungan pengguna;
- (l) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan borang yang hendak digunakan;
- (m) untuk menetapkan pelaksanaan dan perkara-perkara lain yang berhubung dengan sistem poskod and pengalamatan;
- (n) untuk menetapkan semua perkara yang baginya Akta ini membuat peruntukan nyata supaya dibuat melalui peraturan-peraturan; dan
- (o) untuk menetapkan semua perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan bagi menguatkuasakan Akta ini.

### **Kuasa Suruhanjaya untuk membuat kaedah-kaedah**

**101.** Suruhanjaya boleh membuat apa-apa kaedah bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) standard pengalamatan yang digunakan dalam penyediaan barang pos untuk serahan;
- (b) standard prestasi perkhidmatan pos;
- (c) standard prestasi perkhidmatan pelanggan pejabat pos;

- (d) keselamatan perkhidmatan pos;
- (e) standard teknikal bagi penyediaan perkhidmatan pos;
- (f) peti-peti surat dan kemudahan lain serta kegunaan standardnya untuk perkhidmatan pos;
- (g) capaian hiliran dan pengenalan pasti pos;
- (h) terma dan syarat am pemegang lesen;
- (i) had liabiliti pemegang lesen;
- (j) tatacara pengendalian aduan;
- (k) skim pampasan bagi kegagalan prestasi perkhidmatan;
- (l) barang pos yang dilarang;
- (m) penyediaan perkhidmatan sampingan menerima, mengumpul, menyisih, mengirim dan menyerahkan barang pos;
- (n) barang pos yang tidak dapat diserahkan dan dilencongkan;
- (o) peruntukan mengenai pelupusan barang pos yang telah dibuka;
- (p) cara menyimpan rekod; dan
- (q) apa-apa perkara lain yang baginya Akta ini membuat peruntukan nyata supaya kaedah-kaedah dibuat oleh Suruhanjaya.

### **Penalti bagi perundangan subsidiari**

**102.** Apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan peruntukannya menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan bagi penalti denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**103.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya, Pengerusi, mana-mana

ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, dalam sifatnya yang sedemikian.

### **Pelindungan terhadap pegawai dan orang lain**

**104.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Suruhanjaya atau pegawai yang diberi kuasa jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa ia perlu bagi maksud yang dihasratkan untuk dicapai melaluinya.

## BAHAGIAN XVI

### PERKARA KEPENTINGAN NEGARA

#### **Kewajipan am pemegang lesen**

**105.** (1) Seorang pemegang lesen hendaklah dengan sedaya upayanya mencegah kemudahan rangkaian pos yang dipunyai atau disediakan atau perkhidmatan rangkaian yang disediakan daripada digunakan dalam, atau berhubungan dengan, pelakuan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia.

(2) Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta secara bertulis oleh Suruhanjaya atau mana-mana pihak berkuasa lain, membantu Suruhanjaya atau pihak berkuasa lain dalam mencegah pelakuan atau cubaan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau selainnya dalam menguatkuasakan undang-undang Malaysia, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, pelindungan hasil awam dan pemeliharaan pertahanan negara.

**Orang tidak boleh disabitkan bagi perbuatan yang dilakukan dengan suci hati**

**106.** Pemegang lesen atau mana-mana daripada pekerjaanya tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding jenayah daripada apa-apa sifat bagi apa-apa ganti rugi (termasuklah ganti rugi punitif), kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung (sama ada secara langsung atau tidak langsung) kerana apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan kewajipan yang dikenakan di bawah seksyen 105.

**Perkiraan kerjasama dengan pihak berkuasa**

**107.** (1) Menteri boleh memberi arahan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan perkiraan kerjasama antara Suruhanjaya dengan mana-mana pihak berkuasa lain di Malaysia atau di negara asing atau mana-mana organisasi antarabangsa.

(2) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, atau menentukan perkiraan bagi kerjasama dengan, atau keanggotaan dalam, organisasi antarabangsa berkenaan dengan perkiraan kerjasama antara pemegang lesen perkhidmatan sejagat dengan organisasi antarabangsa.

**Kuasa khas semasa darurat**

**108.** (1) Apabila berlaku apa-apa darurat awam atau atas kepentingan keselamatan awam, Yang di-Pertuan Agong boleh—

- (a) menggantung lesen mana-mana pemegang lesen, mengambil kawalan sementara mana-mana kemudahan rangkaian pos atau perkhidmatan yang dipunyai atau diberikan oleh pemegang lesen mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai;
- (b) menarik balik sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya penggunaan mana-mana kemudahan rangkaian pos atau perkhidmatan daripada mana-mana pemegang lesen, orang atau orang awam;
- (c) memerintahkan bahawa mana-mana perkhidmatan yang diberi oleh pemegang lesen, kepada seseorang, golongan orang atau orang awam, digantung sehingga selanjutnya notis bertulis diberi oleh Yang di-Pertuan Agong bahawa penggantungan tersebut telah diangkat; atau

(d) memerintahkan bahawa mana-mana barang pos kepada atau daripada mana-mana orang tidak boleh diangkut atau hendaklah dipintas atau ditahan dan diserahkan kepada mana-mana pegawai yang disebutkan dalam perintah itu untuk dibuka, diperiksa atau diperlakukan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang diambil kerja oleh Kerajaan untuk menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Pemegang lesen hendaklah memberikan segala bantuan yang perlu apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Suruhanjaya atau seorang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini.

### **Pelan bencana**

**109.** Suruhanjaya boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen untuk membangunkan, dengan berunding dengan pihak berkuasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, suatu pelan bencana bagi terus kekal dan pemulihan mana-mana rangkaian kemudahan atau perkhidmatan pos dalam hal bencana, krisis atau keselamatan awam.

## **BAHAGIAN XVII**

### **KECUALIAN DAN PERALIHAN**

#### **Kecualian dan peralihan**

**110.** (1) Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*] (“Akta yang dimansuhkan”) dimansuhkan.

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan ini hendaklah, setakat yang selaras dengan Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan dengan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, dan hendaklah disifatkan bagi segala maksud telah dibuat di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana pendaftaran, perbuatan, perintah, arahan, kelulusan atau keputusan yang telah dilakukan, dibuat atau diberikan sebelum tarikh ditetapkan hendaklah disifatkan telah dilakukan, dibuat atau diberikan di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan berhubung dengan mereka yang terhadapnya ia terpakai sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah baru, peraturan-peraturan atau perundangan subsidiari yang lain dibuat di bawah Akta ini atau sehingga tarikh habis tempoh pendaftaran, tindakan, perintah, arahan atau keputusan.

(4) Tiada apa-apa dalam Akta yang dimansuhkan atau Akta ini boleh menyentuh mana-mana orang yang boleh didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan, atau mana-mana prosiding yang dibawa, hukuman yang dijatuhkan, atau tindakan yang diambil, sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan atau pelanggaran sedemikian.

### **Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang telah dimansuhkan bagi tempoh tiga tahun atau kurang**

**111.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi suatu tempoh tiga tahun atau kurang hendaklah terus berkuat kuasa di bawah Akta ini sehingga tarikh tamat lesen itu.

(2) Suatu lesen yang telah dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi tempoh tiga tahun atau kurang dan mempunyai tempoh berbaki kurang daripada satu tahun, hendaklah disifatkan sebagai dilanjutkan untuk tempoh satu tahun dari tarikh tamat lesen itu.

(3) Seorang pemegang lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan boleh memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini sebagai ganti kepada lesennya yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh tamat lesen itu.

### **Lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi suatu tempoh lebih daripada tiga tahun**

**112.** (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi suatu tempoh lebih daripada tiga tahun hendaklah terus berkuat kuasa di bawah Akta ini untuk tempoh dua tahun dari tarikh yang ditetapkan.



(2) Seorang pemegang lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi suatu tempoh lebih daripada tiga tahun hendaklah memohon, tidak lewat daripada dua tahun selepas tarikh yang ditetapkan, bagi suatu lesen yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini sebagai ganti bagi lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan.

(3) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi suatu tempoh lebih daripada tiga tahun hendaklah luput jika pemegang tidak memohon bagi suatu lesen di bawah Akta ini dalam masa dua tahun selepas tarikh yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (2).

#### JADUAL PERTAMA

##### [Seksyen 12]

1. Pengumuman dagangan, pekeliling, cabutan bercetak daripada akhbar atau iklan, tanpa nama, alamat atau butir-butir penerima.
2. Barang pos yang diserahkan oleh seorang pekerja pengirim itu.
3. Barang pos yang diserahkan oleh seorang utusan atas permintaan pengirim itu khas bagi maksud itu, yang bukannya seorang yang bekerja atau bertugas dalam masa menjalankan urusan atau pekerjaannya dalam menyerahkan atau memperolehi serahan surat.
4. Barang pos yang melebihi dua kilogram beratnya bagi setiap barang pos.
5. Barang pos yang dikirim dengan sesuatu barangan dan diserahkan bersama dengan barangan itu.
6. Barang pos yang dibawa ke atau dari sesuatu pejabat pos.
7. Barang pos yang dibawa mengikut sesuatu perjanjian yang dibuat oleh pemegang lesen.
8. Pertukaran di antara tempat-tempat pertukaran dokumen.
9. Perkhidmatan pos elektronik.
10. Barang pos yang dibawa dan diserahkan oleh seorang kawan peribadi tanpa upah, hadiah atau keuntungan lain.
11. Barang pos yang dibawa dan diserahkan sendiri oleh pengirim.

## JADUAL KEDUA

[Seksyen 24]

1. “Post Office”
2. “Pejabat Pos”
3. “Postal Agent”
4. “Wakil Pos”
5. “Mini Post”
6. “Pos Mini”
7. “Stamp Agent”
8. “Wakil Jualan Setem”
9. “Posting Box”
10. “Peti Surat Pos”
11. “P.O. Box”
12. “Peti Surat Pejabat Pos”

---

**HURAIAN**

Akta Perkhidmatan Pos 2011 (“Akta”) yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991 dan membuat peruntukan-peruntukan baru untuk mengawal selia dengan lebih baik industri perkhidmatan pos dalam persekitaran pelbagai pemain, menggalakkan pembangunan industri yang teratur dan melindungi perkhidmatan pos sejagat. Akta ini juga memperuntukkan pengawalseliaan perkara-perkara sampingan bagi memastikan perkhidmatan pos yang mampu dan berkualiti adalah tersedia kepada semua pengguna dalam Malaysia, dan bagi memastikan pembangunan industri pos yang berterusan dalam persekitaran yang semakin kompetitif. Akta ini bertujuan untuk menggalakkan objektif dasar kebangsaan untuk industri bagi perkhidmatan pos yang berikut:

- (a) untuk melindungi penyediaan perkhidmatan sejagat yang mampu dan berkualiti;
- (b) untuk menggalakkan pertumbuhan industri perkhidmatan pos yang kompetitif dan berinovasi;

- (c) untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan pos;
- (d) untuk mengawal selia bagi faedah jangka panjang pengguna;
- (e) untuk menggalakkan tahap keyakinan pengguna yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan oleh industri perkhidmatan pos;
- (f) untuk menjamin keselamatan pekerja-pekerja industri perkhidmatan pos dan keselamatan barang pos dan rangkaian pos;
- (g) untuk memberikan maklum balas terhadap persekitaran teknikal, ekonomi dan sosio serta keperluan pengguna; dan
- (h) untuk memastikan persaingan yang adil di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam industri perkhidmatan pos di Malaysia.

#### BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta memperkatakan mengenai perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan memberi kuasa kepada Menteri bagi menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif bagi ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.
5. *Fasal 3* mengandungi takrif bagi serahan.

#### BAHAGIAN II

6. Bahagian II Akta menyatakan fungsi Suruhanjaya, peranan Suruhanjaya untuk melindungi perkhidmatan sejagat dan memantau prestasi pemegang lesen.
7. *Fasal 4* mengadakan peruntukan bagi fungsi Suruhanjaya.
8. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sejagat menurut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Akta.
9. *Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya untuk memantau prestasi pemegang lesen dan untuk mengemukakan suatu laporan tahunan prestasi industri kepada Menteri.

#### BAHAGIAN III

10. Bahagian III mengadakan peruntukan mengenai kuasa-kuasa Menteri.
11. *Fasal 7* membolehkan Menteri untuk mengarahkan Suruhanjaya mengenai perkara berkaitan dengan penjalanan kuasa Suruhanjaya dan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta.

12. *Fasal 8* membolehkan Menteri untuk mengubah suai, mengubah atau membatalkan sesuatu arahan.
13. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar bagi semua arahan yang dikeluarkan oleh Menteri.

#### BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV Akta ini memperkatakan mengenai peruntukan-peruntukan pelesenan.
15. *Fasal 10* mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk mengeluarkan lesen perkhidmatan sejagat atau lesen perkhidmatan bukan sejagat.
16. *Fasal 11* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh meminta pemohon untuk memberikan maklumat tambahan bagi memudahkan proses permohonan lesen.
17. *Fasal 12* mengadakan peruntukan bagi kategori apabila kehendak pelesenan tidak terpakai.
18. *Fasal 13* memperuntukkan bahawa Menteri boleh memberi atau enggan memberi lesen selepas mempertimbangkan syor Suruhanjaya.
19. *Fasal 14* memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat standard dan tambahan yang dikenakan oleh Menteri.
20. *Fasal 15* menghuraikan proses pengenaan syarat tambahan, perubahan atau pembatalan syarat-syarat lesen.
21. *Fasal 16* memperuntukkan bahawa pemberian lesen hendaklah bersifat peribadi bagi pemegang lesen itu dan lesen tidak boleh diserahkan atau dipindah milik kepada mana-mana orang kecuali dengan kelulusan bertulis Menteri.
22. *Fasal 17* menghuraikan tatacara penggantung dan pembatalan suatu lesen pemegang lesen.
23. *Fasal 18* menetapkan tarikh kuat kuasa penggantung atau pembatalan seorang pemegang lesen.
24. *Fasal 19* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah menyiarkan dalam sekurang-kurangnya suatu khabar harian nasional bahasa kebangsaan dan satu surat khabar harian nasional Bahasa Inggeris untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut jika penggantung atau pembatalan lesen telah berkuat kuasa.
25. *Fasal 20* menetapkan tatacara penyerahan lesen.

26. *Fasal 21* memperuntukkan bahawa pemegang lesen boleh memohon pembaharuan lesennya dan Menteri hendaklah, atas syor Suruhanjaya, memperbaharui lesen sedia ada kecuali dalam hal keadaan yang ditetapkan di dalam Akta.
27. *Fasal 22* menghuraikan kesan pembatalan, penyerahan atau tidak memperbaharui lesen seseorang pemegang lesen.
28. *Fasal 23* memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis mengenai apa-apa niat untuk menggantung operasinya.

## BAHAGIAN V

29. Bahagian V Akta memperkatakan mengenai peruntukan berkaitan dengan pemegang lesen perkhidmatan sejagat.
30. *Fasal 24* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya mempunyai kawalan ke atas nama-nama dagangan pemegang lesen perkhidmatan sejagat.
31. *Fasal 25* memperkatakan peruntukan berkaitan kelirupan nama pemegang lesen perkhidmatan sejagat.
32. *Fasal 26* mengadakan peruntukan bagi hak pemegang lesen perkhidmatan sejagat untuk menghasil dan mengeluarkan setem pos yang membawa perkataan "Malaysia" atau mana-mana simbol kebangsaan atau lambang Malaysia.
33. *Fasal 27* mengadakan peruntukan bagi pemegang lesen perkhidmatan sejagat dan seseorang yang diberi kuasa mempunyai hak untuk menjual setem pos.
34. *Fasal 28* menghuraikan tatacara bagi pengemukaan pelan tema tahunan kepada Suruhanjaya bagi kelulusan sebelum 1 Julai setiap tahun.
35. *Fasal 29* menghuraikan peruntukan bagi pengarkiban setem pos oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat.
36. *Fasal 30* membolehkan pemegang lesen perkhidmatan sejagat untuk memasang peti pos atau kelengkapan pungutan dan penghantaran mel, mesin menjual setem dan peranti automatik yang serupa di mana-mana tempat yang boleh diakses.
37. *Fasal 31* mengecualikan pemegang lesen perkhidmatan sejagat daripada liabiliti bagi kehilangan, salah serahan, kelengahan atau kerosakan semasa penyaluran barang pos melainkan pemegang lesen perkhidmatan sejagat telah melakukannya dengan niat jahat atau secara cuai atau sengaja.

## BAHAGIAN VI

38. Bahagian VI Akta memperkatakan mengenai terma dan syarat am perkhidmatan pos.

39. *Fasal 32* menghendaki pemohon lesen perkhidmatan sejagat atau lesen perkhidmatan bukan sejagat untuk membangunkan dan mengemukakan kepada Suruhanjaya terma dan syarat am termasuklah tatacara pengendalian aduan sebagai tawaran terbukanya untuk menyediakan perkhidmatan pos kepada penggunaanya.

40. *Fasal 33* mengadakan peruntukan bagi keperluan pemegang lesen perkhidmatan sejagat memasukkan ke dalam terma dan syarat amnya had liabiliti yang akan menjadi pembelaan terhadap apa-apa pendakwaan.

## BAHAGIAN VII

41. Bahagian VII Akta mengandungi jenis perkhidmatan lain yang boleh diberikan oleh pemegang lesen perkhidmatan sejagat.

42. *Fasal 34* mengadakan peruntukan bagi perkhidmatan kewangan pos.

43. *Fasal 35* mengadakan peruntukan bagi perkhidmatan pos elektronik.

## BAHAGIAN VIII

44. Bahagian VIII Akta memperkatakan mengenai pengawalseliaan kadar bayaran pos.

45. *Fasal 36* menghuraikan prinsip-prinsip mengenai penetapan kadar bayaran pos.

46. *Fasal 37* membolehkan Menteri dengan syor Suruhanjaya untuk membuat peraturan-peraturan mengenai kadar bayaran pos.

## BAHAGIAN IX

47. Bahagian IX Akta mengandungi peruntukan yang memperkatakan mengenai amalan persaingan am.

48. *Fasal 38* menghalang perlakuan anti-persaingan yang mempunyai maksud mengurangkan persaingan yang cukup besar dalam pasaran pos.

49. *Fasal 39* membolehkan Suruhanjaya untuk menyiarkan garis panduan mengenai “mengurangkan persaingan dengan cukup besar”.

50. *Fasal 40* melarang pemegang lesen membuat perjanjian pakatan sulit.

51. *Fasal 41* melarang pemegang lesen daripada perkiraan kaitan atau pautan.
52. *Fasal 42* membolehkan Suruhanjaya untuk memutuskan sama ada pemegang lesen berada pada kedudukan dominan dalam suatu pasaran pos.
53. *Fasal 43* membolehkan Suruhanjaya mengeluarkan garis panduan mengenai “kedudukan dominan”.
54. *Fasal 44* membolehkan Suruhanjaya mengarah pemegang lesen yang berada dalam kedudukan dominan untuk menghentikan perlakuan yang memberi kesan kepada pengurangan persaingan yang cukup besar.
55. *Fasal 45* mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya untuk membenarkan suatu perlakuan yang boleh ditafsirkan mempunyai maksud atau kesan kepada pengurangan persaingan yang besar jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kebenaran tersebut ialah untuk kepentingan negara.
56. *Fasal 46* menghendaki Suruhanjaya menyenggara dan mendaftar kebenaran perlakuan.
57. *Fasal 47* mengadakan peruntukan mengenai penalti bagi kesalahan dalam Bahagian ini.
58. *Fasal 48* membolehkan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan persaingan seperti penghalangan atau pengurangan perlakuan yang boleh membawa kepada pengurangan persaingan, atau salah guna kuasa pasaran, dalam suatu pasaran pos.

#### BAHAGIAN X

59. Bahagian X Akta mengandungi peruntukan yang memperkatakan mengenai perlindungan pengguna.
60. *Fasal 49* membolehkan Suruhanjaya untuk menetapkan suatu badan yang dikenali sebagai Forum Pos.
61. *Fasal 50* menetapkan fungsi Forum Pos.
62. *Fasal 51* menetapkan prinsip tatacara pengendalian aduan dan keperluan untuk pemegang lesen perkhidmatan sejagat untuk mengemukakan tatacara pengendalian aduannya kepada Suruhanjaya untuk kelulusan.
63. *Fasal 52* menetapkan peranan Suruhanjaya berkenaan dengan aduan pengguna iaitu untuk memastikan setiap pemegang lesen mempunyai tatacara pengendalian aduan yang berwibawa.
64. *Fasal 53* membolehkan pemegang lesen membuka barang pos dalam hal keadaan yang tertentu.

65. *Fasal 54* menetapkan tatacara untuk membuka apa-apa barang pos oleh pemegang lesen.
66. *Fasal 55* menetapkan tatacara pemeriksaan barang pos yang diterima dari luar Malaysia oleh pegawai kastam.
67. *Fasal 56* mengadakan peruntukan mengenai penalti bagi mendedahkan isi kandungan barang pos secara menyalahi undang-undang.

#### BAHAGIAN XI

68. Bahagian XI Akta mengandungi peruntukan yang memperkatakan mengenai sistem poskod dan pengalamatan serta pengenalan pasti pos.
69. *Fasal 57* memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membangun, mengawal, melaksana, menyenggara dan mengurus sistem poskod dan pengalamatan.
70. *Fasal 58* membolehkan Suruhanjaya memperuntukkan suatu pengenalan pasti pos kepada pemegang lesen berkaitan dengan capaian hiliran atau untuk apa-apa sebab.

#### BAHAGIAN XII

71. Bahagian XII Akta mengadakan peruntukan bagi kuasa dan tatacara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
72. *Fasal 59* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan bertulis kepada mana-mana pemegang lesen mengenai pematuhan atau ketidakpatuhan kepada syarat-syarat lesen.
73. *Fasal 60* membolehkan Suruhanjaya untuk mengadakan inkuiri tentang apa-apa perkara yang bersifat umum yang berkaitan dengan pentadbiran Akta ini.
74. *Fasal 61* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menjalankan suatu inkuiri sama ada secara terbuka atau tertutup.
75. *Fasal 62* membolehkan Suruhanjaya untuk menyiasat apa-apa perkara berkaitan dengan pentadbiran Akta ini.
76. *Fasal 63* membenarkan Menteri untuk mengarah Suruhanjaya supaya menyiarkan laporan mengenai sesuatu penyiasatan jika Menteri berpuas hati bahawa penyiaran itu adalah demi kepentingan negara.

#### BAHAGIAN XIII

77. Bahagian XIII Akta memperkatakan mengenai kesalahan dan penalti.



78. *Fasal 64* menyenaraikan tindakan-tindakan yang menyalahi undang-undang terhadap barang pos dalam perjalanan penyalurannya.
79. *Fasal 65* melarang seseorang dengan disedarinya menggunakan setem pos palsu atau lancung.
80. *Fasal 66* melarang seseorang daripada memasang tempat akses tanpa kebenaran bertulis pemegang lesen perkhidmatan sejagat.
81. *Fasal 67* melarang seseorang daripada merosakkan kemudahan rangkaian pos.
82. *Fasal 68* melarang seseorang daripada menampalkan atau mencatitkan rupa suatu kemudahan rangkaian pos.
83. *Fasal 69* melarang seseorang daripada mengelak membuat bayaran pos.
84. *Fasal 70* melarang seseorang daripada mengusik tanda rasmi pada barang pos.

#### BAHAGIAN XIV

85. Bahagian XIV Akta ini memperkatakan mengenai kuasa Suruhanjaya atau pegawai yang diberi kuasa untuk mengumpulkan maklumat dan peruntukan penguatkuasaan.
86. *Fasal 71* mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya untuk mengarahkan seseorang mengemukakan apa-apa maklumat oleh seseorang yang secara munasabahnyanya dipercayai mempunyai maklumat itu dan berupaya memberikan maklumat itu.
87. *Fasal 72* mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya mengambil dan memegang simpan sesuatu dokumen selama mana yang diperlukan dan bagi maksud pengumpulan maklumat.
88. *Fasal 73* mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya mendapat akses ke atas rekod-rekod bagi maksud pengumpulan maklumat.
89. *Fasal 74* melarang seseorang daripada membuat suatu rekod apa-apa perkara atau benda dengan cara yang tidak betul.
90. *Fasal 75* menghendaki Suruhanjaya menyenggara suatu rekod semua maklumat atau dokumen dan rekod yang disenggara boleh tersedia kepada awam.
91. *Fasal 76* memperkatakan tentang penerbitan mana-mana maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya semasa menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini.
92. *Fasal 77* memperkatakan tentang pelantikan pegawai yang diberi kuasa.

93. *Fasal 78* memperuntukkan bahawa pegawai yang diberi kuasa akan menjalankan penyiasatan ke atas aktiviti-aktiviti pemegang lesen atau orang lain yang penting bagi pematuhan pemegang lesen terhadap Akta.
94. *Fasal 79* mengadakan peruntukkan bahawa mengenai kuasa untuk menggeledah dengan waran.
95. *Fasal 80* memperuntukkan bahawa suatu waran geledah sah dan berkuat kuasa tanpa mengambil kira apa-apa kecacatannya.
96. *Fasal 81* membolehkan pegawai yang diberi kuasa memperoleh capaian kepada data sama ada disimpan di dalam komputer atau selainnya.
97. *Fasal 82* mengenakan kewajipan pada pegawai penyita untuk menyediakan senarai barang-barang yang disita dan suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi sebab-sebab penyitaan itu.
98. *Fasal 83* memperkatakan peruntukan berhubung dengan pelucuthakan apa-apa barang yang disita di bawah Akta ini.
99. *Fasal 84* memperkatakan mengenai pelepasan barang-barang yang disita.
100. *Fasal 85* mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa.
101. *Fasal 86* mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai yang diberi kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.
102. *Fasal 87* memperkatakan mengenai pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan mengenai kes oleh pegawai yang diberi kuasa.
103. *Fasal 88* memperkatakan mengenai kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan.
104. *Fasal 89* menghendaki pegawai yang diberi kuasa menyempurnakan penyiasatan dan menyerahkan kepada polis semua maklumat berhubung dengan pelakuan kesalahan.
105. *Fasal 90* memperuntukkan bahawa tiada seseorang pun berhak untuk mendapatkan semula kos prosiding, ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.
106. *Fasal 91* mengadakan peruntukan bahawa pendakwaan mestilah dilakukan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.
107. *Fasal 92* memperuntukkan bahawa Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta ini.
108. *Fasal 93* melarang seseorang daripada memberikan maklumat palsu atau mengelirukan dan penaltinya.

109. *Fasal 94* mengadakan peruntukkan mengenai penalti bagi halangan terhadap mana-mana pegawai yang diberi kuasa daripada menjalankan kewajipannya.

110. *Fasal 95* membolehkan Menteri untuk menetapkan apa-apa kesalahan di bawah Akta sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dan peruntukan berkaitan dengan pengkompaunan kesalahan.

111. *Fasal 96* memperkatakan kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

112. *Fasal 97* mengadakan peruntukan mengenai penalti bagi persubahatan atau percubaan melakukan kesalahan.

#### BAHAGIAN XV

113. Bahagian XV Akta memperkatakan mengenai peruntukan am.

114. *Fasal 98* menubuhkan Kumpulan Wang Perkhidmatan Pos yang akan dikawal dan dikendalikan oleh Suruhanjaya.

115. *Fasal 99* menghendaki Suruhanjaya menyenggara suatu daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik mengenai semua perkara yang dikehendaki untuk didaftarkan.

116. *Fasal 100* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

117. *Fasal 101* menetapkan perkara-perkara apabila Suruhanjaya boleh membuat kaedah-kaedah.

118. *Fasal 102* mengadakan peruntukan mengenai penalti bagi pelanggaran perundangan subsidiari.

119. *Fasal 103* mengadakan peruntukan bagi Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1949 adalah terpakai.

120. *Fasal 104* mengadakan peruntukan bagi perlindungan kepada Suruhanjaya atau pegawai yang diberi kuasa atau pekerja atau ejen Suruhanjaya daripada prosiding sivil atau jenayah.

#### BAHAGIAN XVI

121. Bahagian XVI menetapkan pelbagai obligasi yang berhubungan dengan perlindungan kepentingan negara yang boleh dikenakan terhadap pemegang lesen.

122. *Fasal 105* menyatakan kewajipan am pemegang lesen untuk mencegah kemudahan rangkaian mereka daripada digunakan dalam atau yang berhubungan dengan perlakuan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia.

123. *Fasal 106* memperuntukkan bahawa pemegang lesen atau mana-mana pekerjanya tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan kewajipan yang dikenakan di bawah seksyen 105.

124. *Fasal 107* mengadakan peruntukan bagi perkiraan kerjasama sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan kuasa Suruhanjaya untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan perkiraan kerjasama antara pemegang lesen perkhidmatan sejagat dengan organisasi antarabangsa.

125. *Fasal 108* memperkatakan mengenai kuasa-kuasa khas semasa darurat.

126. *Fasal 109* menghendaki Suruhanjaya mengeluarkan arahan kepada pemegang lesen untuk membangunkan pelan bencana.

#### BAHAGIAN XVII

127. Bahagian XVII Akta memperkatakan mengenai kecualian dan peralihan.

128. *Fasal 110* mengadakan peruntukan mengenai kecualian dan peralihan.

129. *Fasal 111* memperkatakan tentang proses peralihan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi tempoh tiga tahun atau kurang.

130. *Fasal 112* memperkatakan tentang proses peralihan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan bagi tempoh lebih dari tiga tahun.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2763]